

## STRATEGI BENTENG DIRI DARI KETAGIHAN PORNOGRAFI DENGAN AMALAN ASAS HARIAN ISLAM DALAM KALANGAN REMAJA MUSLIM DI SIMPANG RENGGAM, JOHOR

Shamsiah Faridz  
Open Universiti Malaysia  
Email: [matahari1508@oum.edu.my](mailto:matahari1508@oum.edu.my)

Wan Mohammad Ubaidillah Wan Abas  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Open Universiti Malaysia  
E-mail: [ubaidillah@oum.edu.my](mailto:ubaidillah@oum.edu.my)

### ABSTRAK

Ketagihan pornografi tidak sekadar kebejatan tingkah laku individu, tetapi juga adalah refleksi dari perubahan budaya dan sosial masyarakat Muslim di Malaysia. Dari perspektif Islam, pornografi boleh diklasifikasikan dalam mungkar al-akhbar. Pornografi menjelaskan kemurnian martabat dan maruah diri manusia yang merupakan asas dalam syariat Islam. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti tahap penglibatan remaja muslim di Simpang Renggam dalam ketagihan pornografi dan menilai pengaruh amalan harian sebagai benteng kepada mereka dari fenomena tersebut. Kajian ini dijalankan dengan memilih responden dari kalangan remaja muslim berusia 10 hingga 24 tahun dari sebuah daerah kecil iaitu Simpang Renggam Johor, Malaysia. Kajian ini dilaksanakan dengan kaedah kuantitatif melalui edaran borang soal selidik yang ditadbir sendiri untuk mendapatkan data dalam mengukur ketagihan pornografi (PAST), dan amalan harian remaja. Seramai 66 responden telah menjawab soal selidik yang diedarkan mendapat majoriti (79%) remaja muslim di Simpang Renggam melalui perkembangan seksual yang sihat dan tidak terdedah dengan pornografi. Berbanding minoriti 18% telah terdedah dengan pornografi dan 3% telah mempunyai gejala pecandu pornografi. Dapatkan ini menunjukkan penularan pandemik ketagihan pornografi di Malaysia semakin meruncing. Justeru, objektif ilmu adalah melahirkan individu yang ikhlas berubudiyah hanya kepada Allah swt. Seharusnya peranan ilmu, budaya, pendidikan dan sosio-ekonomi perlu mempunyai matlamat yang jelas iaitu menjadi penawar dalam semua urusan kehidupan manusia di dunia. ISLAM, sebagai prosa kata kerja, mengandungi maksud hidup ini seluruhnya hanya kerana Allah SWT.

**Kata Kunci :** Ketagihan pornografi, Pornografi, remaja Muslim

### 1. Pengenalan

Penularan ketagihan pornografi dalam kalangan remaja telah mencetuskan pelbagai kebejatan sosial yang merendahkan nilai diri manusia. Dapatkan kajian dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyatakan 75% remaja Malaysia telah terlibat dengan aktiviti menonton video dan gambar lucu serta ketagihan pornografi (Fakulti Perubatan UKM, Julai, 2023). Statistik dari Malaysian Against Pornography (MAP) juga mencatatkan sejak 2018 lebih kurang 80% remaja yang berusia antara 10 tahun hingga 17 tahun dengan sengaja memilih untuk menonton pornografi dan, 89% remaja dilaporkan telah menjadi mangsa antun dalam talian (Bernama, 2019).

Keseluruhan statistik ini menjelaskan fenomena ketagihan pornografi dalam kalangan remaja di Malaysia semakin meruncing, dengan kesan yang amat membimbangkan. Pendedahan Rosmawati Zainal (Siti Aisyah Mohamad, Mei 2024) dari Pusat Bimbingan Remaja Puteri Raudhatus Sakinah menyatakan, selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakkan (PKP) peserta yang masuk ke pusat bimbangannya adalah seawal usia 12 tahun berbanding sebelumnya antara 13 tahun hingga 17

tahun, Beliau juga menyatakan setelah siasatan dijalankan kanak-kanak itu telah terdedah dengan pornografi seawal usia 9 tahun, Maklumat ini menegaskan keperluan yang sangat mendesak untuk melaksanakan program kesedaran dan pendidikan tentang bahaya pornografi kepada semua lapisan masyarakat sebagai melindungi masyarakat dan generasi muda dari ancaman yang boleh membinaaskan.

## 1.2 Pornografi

Perkataan pornografi berasal dari bahasa Yunani dengan gabungan dua suku kata iaitu “porne” bermaksud liar dan “graphein” bermaksud karya. Singkatnya dari aspek bahasa, pornografi boleh difahami sebagai karya lucuah.

Menurut Gorer, G. (1955) menyatakan pornografi adalah bertentangan dengan darjat kemuliaan manusia yang merupakan satu refleks dari sifat munafik yang bertuhankan nafsu. Begitu juga Owens et al. (2012) dalam kajiannya menerangkan pornografi adalah apa-apa saja yang mengandungi unsur-unsur seksual dengan jelas dan boleh membangkitkan hasrat seksual dengan cara yang hina. Varatharajoo et al. (2020) pula yang menyatakan, pornografi adalah sebuah industri gergasi dengan menjadikan pelacuran sebagai produk utama mereka. Industri yang bejat dan hina tidak hanya kejam malah sangat rakus dalam mengaut keuntungan. Walaupun begitu, Jenkins, J. Philip (2023) berpendapat pornografi adalah sesuatu yang subjektif berdasarkan pada normalisasi dan kepercayaan dalam sesebuah masyarakat.

Dari penjelasan di atas boleh difahami, pornografi adalah bahan atau karya yang mengandungi unsur seksual yang bertujuan merangsang hasrat seksual penonton atau pembaca. Hari ini seiring perkembangan teknologi komunikasi, bahan atau karya pornografi boleh didapati dalam pelbagai medium. Tidak hanya tulisan, lukisan dan ukiran, malah dalam bentuk video dan gambar. Pandangan terhadap pornografi adalah berbeza, dipengaruhi oleh norma sosial masyarakat dan pegangan agama atau kepercayaan. Dalam kajian ini, definisi pronografi adalah apa sahaja bahan mengandungi unsur seksual dalam bentuk yang hina dan membawa pada kehancuran.

## 1.3 Ketagihan Pornografi

Kamaruddin, et al. (2019) menyatakan ketagihan adalah sejenis gangguan neuropsikiatri yang dicirikan oleh keinginan berulang untuk tetap mengambil bahan atau melakukan sesuatu perbuatan walaupun merbahaya. Sementara Ashraaf, et al. (2019) pula menyatakan ketagihan pornografi adalah perbuatan menonton atau melihat apa-apa saja bahan berunsur seksual secara kerap dan menjadi tidak tenteram jika tidak melakukannya. Menurut MAP Official (2023) menerangkan ketagihan pornografi sama dengan ketagihan dadah yang menyebabkan perubahan dalam sistem saraf pusat di otak yang melibatkan *mesolimbic dopaminergic pathway*. Ketika individu itu mengalami sesuatu yang dianggap sebagai imbalan atau keseronokan (seperti hidangan yang enak, pengalaman seksual), neuron di *Ventral Tegmental Area* (VTA) akan mengeluarkan dopamin yang menyebabkan sensasi keseronokan. Laluan dopamin akan berinteraksi dengan bahagian amygdala dan hippocampus untuk mengaitkan ganjaran dengan memori dan emosi. Kerosakan pada sistem ini menyebabkan individu terabit hilang kawalan dan obses pada bahan berunsur pornografi.

Ringkasnya, boleh difahami bahawa ketagihan pornografi adalah kesilapan dalam memilih rutin harian hingga menyebabkan perubahan dalam sistem saraf pusat di otak hingga hilang kawalan diri dan obses pada pornografi hingga ke tahap melakukan kebejatan sosial yang membahayakan diri dan

orang lain. Dalam konteks kajian ini ketagihan pornografi difahami sebagai satu dari penyakit jiwa yang menghalang individu terbabit untuk berubudiyah kepada Allah SWT.

### 1.3 Pornografi dari perspektif Islam

Dalam Islam, seks merujuk kepada hubungan antara seorang lelaki dan seorang perempuan. Sementara gender merujuk pada kateristik maskulin dan feminin. Al-Quran telah mengupas tentang isu ini dengan sangat jelas sebagai panduan muslim dalam menjalani kehidupan di dunia untuk bahagia di akhirat kelak. Dalam hal terkait pornografi Islam mempunyai pendekatan yang sangat menarik iaitu mencegah sebelum terjadi, firman Allah SWT;

﴿٢٣﴾ وَلَا نَقْرِبُوا الْزِنَةَ إِنَّهُ كَانَ فَحْشَةً وَسَاءَ سَيِّلًا

Maksudnya:

Dan janganlah kamu hampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (membawa kebinasaan) (Surah Al-Isra':17: 32)

Sebuah hadith sahih diriwayatkan dari Abu Hurairah R.A menyebutkan bahawa bahagian-bahagian zina telah ditetapkan oleh Allah SWT untuk setiap anak Adam, setiap mereka akan melaluinya dan sangat sulit untuk dihindari. Justeru zina tidak hanya terbatas pada perbuatan fizik, meliputi fikiran yang tercela. Firman Allah SWT (Surah An-Nur: 24:30)

﴿٢٠﴾ قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغْضُبُوا مِنْ أَبْصَرِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكِيٌّ لَّهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ

Maksudnya:

Katakanlah kepada lelaki yang beriman, agar mereka menjaga pandangannya, dan memelihara kemaluannya, demikian itu lebih suci bagi mereka.

Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka lakukan.

﴿٢١﴾ وَقُل لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُبُنَّ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَيَحْفَظُنَّ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِيْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلِيَضْرِبُنَّ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُبُوْرِهِنَّ وَلَا يُبْدِيْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ إَبَابِيْهِنَّ أَوْ إَبَاءَ بُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءَ إِبَاهِيْهِنَّ أَوْ أَبْنَاءَ بُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِيَّ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ نِسَاءِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوْ التَّتِيْعَيْنَ غَيْرُ أُولَيِّ الْأَرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوْ الطِّفْلِ الَّذِيْنَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَى عَوَرَاتِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبُنَّ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيَعْلَمَ مَا يُخْفِيْنَ مِنْ زِينَتِهِنَّ وَتَوْبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهُمُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya:

Dan katakanlah kepada para wanita yang beriman, agar mereka menjaga

pandangannya dan kemaluannya serta janganlah menampakkan perhiasannya (auratnya) kecuali yang biasa terlihat. Dan hendaklah mereka melabuhkan tudung mereka hingga menutup dada dan jangan menampakkan auratnya kecuali kepada suami, ayah mereka atau ayah kepada suami mereka atau putera-putera mereka atau saudara-saudara lelaki mereka dan para wanita muslim atau hamba sahaya yang mereka miliki lelaki atau perempuan atau anak-anak kecil yang belum mengerti tentang aurat wanita. Dan janganlah mereka menghentakkan kaki agar di ketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu semua kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, agar kamu beruntung” (Surah An-Nur: 24:30-31)

Dua ayat dari Surah An-Nur ini memberikan panduan kepada kaum Muslimin, lelaki dan wanita dalam konteks interaksi sosial. Lelaki dan wanita Muslim di anjurkan untuk menjaga pandangan agar dapat menjaga batasan dan mengelak dari digoda dan tergoda oleh hawa nafsu. Mata disebut yang pertama seolah memberi isyarat bahawa penyakit jiwa berawal dari tidak menjaga pandangan mata. Seterusnya Islam turut menganjurkan Muslim untuk menjaga pakaian mereka dengan memastikan menutup aurat. Batas aurat diterangkan secara terperinci kepada lelaki dan wanita. Ayat ini turut menganjurkan para wanita Muslim agar tidak memamerkan perhiasan yang boleh mengundang perhatian pihak lain kepada mereka. Setelah melakukan semuanya ayat ini mengingatkan lagi kaum Muslimin untuk tetap memohon keampunan kepada Allah SWT. Ini dapat difahami dalam interaksi sosial tidak cukup hanya dengan usaha mencegah, tetapi juga perlu memohon pertolongan Allah agar terpelihara dari apa-apa kejahanan yang diluar kawalan diri. Ayat ini turut membimbing Muslimin agar komunikasi dalam keluarga juga ada batas auratnya untuk memastikan kesejahteraan keluarga.

Dapat difahami, Islam menerapkan cara penjagaan diri dan keluarga serta negara dengan serangkaian usaha pencegahan untuk memastikan martabat manusia kekal mulia. Justeru itu, pornografi adalah jelas bercanggah dengan ketetapan syariah dengan kesan yang amat dahsyat. Menurut Al-Buti, (2018) sejarah kejatuhan empayar Parsi adalah refleks dari eksplorasi seksual yang tidak terbatas. Empayar Parsi yang gah pada zaman silam jatuh kerana mengabaikan kewarasan akal fikiran dan kemurnian sahsiah diri.

## 2. Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk memahami sejauh mana remaja Muslim di Simpang Renggam, Johor terlibat dengan ketagihan pornografi dan, adakah amalan harian Muslim dapat menyelamatkan mereka dari ketagihan pornografi.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan deskriptif untuk membolehkan pengumpulan data kuantitatif yang luas dan memberikan gambaran menyeluruh tentang ketagihan pornografi dalam kalangan remaja Muslim di Simpang Renggam, Johor.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) remaja merujuk kepada individu yang sedang melalui transisi dari alam kanak-kanak kepada dewasa. Ulwan (2007) menjelaskan menurut perspektif Islam, remaja adalah golongan kanak-kanak yang telah mencapai awal usia baligh dan sedang bergerak menjadi dewasa serta memenuhi syarat-syarat taklif. Al-Buti (1997) pula menyatakan bahawa remaja adalah cerminan dari keseluruhan masyarakat. Kesejahteraan remaja mencerminkan kesejahteraan masyarakat keseluruhan dan sebaliknya. Remaja juga merupakan fasa paling produktif dalam kehidupan individu. Potensi besar remaja jika digunakan untuk kebaikan maka seluruh masyarakat akan memperoleh manfaat namun, jika tidak dimanfaatkan pada kebaikan, boleh mengakibatkan

kehancuran. Dengan kata lain remaja yang beriman dan patuh kepada Allah SWT memiliki potensi untuk memperbaiki dan menjaga ummah. Oleh kerana itu, populasi yang menjadi fokus kajian ini adalah remaja Muslim di sekitar Simpang Renggam, Johor dalam rentang usia 9 tahun hingga 24 tahun. Meskipun demikian, sampel dalam kajian ini diperoleh melalui metod *snowball* dan berhasil melibatkan 66 responden sahaja. Ini adalah disebabkan beberapa kekangan yang dihadapi oleh pengkaji dari aspek tempoh maksima kajian yang diberikan adalah satu tahun sedang proses untuk mendapatkan kebenaran dan perhubungan dengan badan-badan kerajaan memerlukan masa yang lebih panjang

Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik, dibangunkan dengan merujuk beberapa kajian dan badan konsultan yang berpengalaman dalam membantu penagih pornografi keluar dari ketagihan mereka. Soal selidik ini terdiri daripada beberapa bahagian; Bahagian A; berkaitan maklumat demografi responden. Borang soal selidik untuk bahagian A adalah jenis berstruktur dengan jawapan tertutup. Pengkaji mengambil kira sikap remaja hari ini yang suka pada perkara yang cepat dan mudah serta memudahkan kerja-kerja analisis. Bahagian B; Tahap ketagihan pornografi diguna pakai dari MichealWalsh.com. Sebuah konsultan yang berpusat di Canada dan berpengalaman dalam menangani masalah ketagihan. Bahagian ini menggunakan kaedah skor dengan lima pilihan iaitu; 0 – (Tidak pernah); 1 – (kekerapan 1-2 kali); 2 – (Jarang); 3 – (Kadang-kadang) dan 4 – (Kerap). Tahap ketagihan ditentukan melalui jumlah skor yang terkumpul. Untuk jumlah skor 0 hingga 25 responden melalui pembangunan seksual yang sihat. Jumlah skor 26 hingga 49 pula memberi maksud individu tersebut memerlukan pendidikan dan kesedaran tentang bahaya pornografi serta pemantauan untuk memastikan tidak terdedah dengan pornografi dan berisiko dengan ketagihan pornografi. Skor 50-69 bermaksud individu tersebut telah mula ada gejala ketagihan, tingkah laku dan psikologi mula terganggu serta perlu mendapatkan bantuan segera agar terlepas dari risiko ketagihan. Skor 70-100 menunjukkan individu telah jatuh dalam ketagihan dan amat sangat memerlukan bantuan dari pakar agar ketagihan dan psikologi dapat dirawat.

Bahagian C; berkaitan amalan harian Muslim yang dirujuk dan diguna pakai dari kajian Dzalihu'zzabir, N. W. (2017) yang menggunakan skala likert dengan lima pilihan seperti jadual dibawah;

Jadual 1: Skala Likert dalam borang soal selidik

1	2	3	4	5
Tidak pernah Never	1 – 2 kali 1 – 2 times	Jarang-jarang Seldom	Kadang-kadang Sometimes	Kerap Frequently


Kajian ini dilaksanakan untuk menjawab beberapa persoalan utama yang berkaitan dengan ketagihan pornografi dan amalan harian remaja Muslim di Simpang Renggam. Persoalan-persoalan ini pertama; apakah tingkat keterlibatan remaja Muslim di Simpang Renggam dalam ketagihan pornografi? Kedua; sejauh mana tingkat praktik harian remaja Muslim di Simpang Renggam?

Selain itu kajian ini juga menguji dua hipotesis utama. Hipotesis pertama (H1) menyatakan bahawa terdapat hubungan signifikan antara amalan harian dan isu ketagihan pornografi dalam kalangan remaja Muslim di Simpang Renggam, Johor. Hipotesis kedua (H2) pula menyatakan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amalan harian dan ketagihan pornografi dalam kalangan remaja Muslim di Simpang Renggam, Johor.

Justeru kajian ini adalah untuk mencapai dua matlamat utama iaitu, untuk menentukan tahap penglibatan remaja Muslim di Simpang Renggam dalam ketagihan pornografi. Seterusnya adalah untuk mengukur sejauh mana tahap rutin harian remaja Muslim di Simpang Renggam dapat menyelamatkan mereka dari ketagihan pornografi?

Melalui persoalan kajian, hipotesis, dan objektif kajian ini diharapkan, dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang hubungan antara amalan harian dan ketagihan pornografi dalam kalangan remaja Muslim di Simpang Renggam, Johor.

Menurut al-Buti (1997), masalah sosial dalam masyarakat sering kali berakar dari ketidak seimbangan jiwa yang jarang sekali mendapat perhatian serius untuk diatas. Dampak dari ketidak seimbangan ini akan menular ke dalam setiap individu dalam masyarakat. Dalam konteks ini, kerangka konseptual kajian ini dibina untuk menggambarkan pertama; pentingnya pengaruh masyarakat lingkungan. Kedua; peranan amalan harian seorang Muslim sebagai benteng diri remaja dari ancaman ketagihan pornografi. Berdasarkan dari pendapatnya kerangka konseptual kajian telah dibina seperti berikut;



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian Ketagihan Pornografi dalam kalangan remaja Muslim di Simpang Renggam

Sumber: Ubah suai dari teori al-Buti (1997), Menangani Pergolakan Jiwa Remaja terjemahan Amrullah, M. S. Pustaka Ilmi

## 2.1 Kajian lepas

Menurut kajian Owens et al. (2012) tentang kesan pornografi internet kepada remaja di California. Statistik menunjukkan sejumlah 4% remaja di California pernah mengirimkan SMS (short message service) berunsur seksual. Sementara itu, 15% daripada mereka mengaku telah menerima lebih kurang 200 pesanan berunsur seksual dalam sehari. Dari statistik ini, Owen et. al (2012) menyimpulkan internet adalah faktor utama penyebaran pornografi dalam kalangan remaja. Kajian

ini meneliti kesan buruk pornografi internet kepada remaja dari beberapa aspek, khususnya tingkah laku, kepercayaan, keyakinan diri dan tahap kesihatan mental. Pornografi internet telah menjadi medium yang menyalurkan tingkah laku dan kepercayaan seks luar tabii seperti fahaman seks kasual. Seks kasual adalah amalan hubungan tanpa komitmen atau hubungan tanpa ikatan pernikahan. Seks kasual hanya berkisar tentang seks, dan tidak melibatkan perasaan saling mengasihi, hormat menghormati dan saling melengkapi. Mereka hanya bertemu untuk seks dan bebas melakukan sengan sesiapa sahaja, asalkan saling bersetuju. Dari perspektif kesihatan, amalan seks kasual adalah merbahaya kerana berisiko dijangkiti penyakit seperti HIV dan AIDS dan juga penyakit mental. Pendedahan pornografi kepada remaja dalam usia yang terlalu awal mendorong mereka untuk meniru dan melakukannya pada usia yang sangat muda. Lebih membimbangkan remaja ini pada satu tahap berani melakukan jenayah seksual untuk memenuhi imaginasi mereka.

Demikian juga kajian oleh Putri, G. A. (2019) yang menganalisis penyimpangan tingkah laku remaja berkaitan minat mereka terhadap muat naik video pornografi di Bandung, Indonesia. Kajian ini mendapati kekerapan remaja di Bandung melayari laman web pornografi adalah sebanyak 12 kali seminggu. Kekerapan ini di dorong oleh faktor dalaman seperti perasaan ingin tahu dan kurangnya penghayatan Islam sebagai satu cara hidup. Pengkaji turut menyebutkan faktor luaran yang mendorong seperti kurang pengawasan ibubapa dan sekolah. Kajian ini juga menyebutkan tiga kesan dari penyimpangan tingkah laku seksual ini. Pertama, remaja di Bandung berdepan risiko ketagihan pornografi kedua; pelanggaran norma sosial masyarakat dan ketiga; hilangnya sensitiviti sosial.

Kajian Ashraaf & Othman (2020) mengungkapkan teknologi sebagai faktor utama yang mendorong remaja terlibat dengan ketagihan pornografi di Malaysia. Kajian ini juga turut membincangkan tentang implikasi negatif kesan ketagihan pornografi yang mendedahkan remaja terlibat dengan hubungan luar nikah dan risiko penyakit mental.

Sementara itu Nahar et al. (2018) menyatakan, pornografi adalah gambaran kandungan seksual yang bertujuan khusus untuk merangsang nafsu seksual dan boleh membawa pada ketagihan. Perhubungan jalur lebar atau internet telah membuka ruang yang luas kepada industri pornografi dan risiko ketagihan pornografi di kalangan remaja juga meningkat disebabkan oleh capaian pasaran yang sangat luas. Namun begitu, dalam era yang canggih kini, satu-satunya cara yang ada untuk mengesan ketagihan pornografi hanyalah melalui soal selidik. Walaupun begitu, ketika menjawab soalan-soalan tersebut, peserta mungkin tidak jujur kerana ketagihan pornografi dianggap sebagai sesuatu yang tabu dalam masyarakat di Malaysia. Objektif kajian Nahar et al. (2018) adalah untuk membangunkan alat dengan pelbagai kemampuan bagi mengidentifikasi tahap ketagihan pornografi menggunakan isyarat elektroensefalografi. Dari kajian ini dapat dipelajari bahawa ketagihan pornografi adalah penyakit yang telah wujud sejak sekian lama. Sungguhpun begitu, kecanggihan teknologi tidak dapat dimanfaatkan untuk mengatasinya. Ini juga menjelaskan tidak semua urusan manusia itu dapat dibantu dengan teknologi.

Kajian Afandi, N.H.M.N (2021), terhadap kesediaan remaja untuk berubah dengan fokus kajian untuk melihat tahap pengetahuan dan amalan remaja yang bermasalah dan, melihat hubungan antara pengetahuan dengan amalan remaja. Dapatan kajian ini mendapati adanya hubungan kuat antara pengetahuan dan amalan remaja. Kajian ini juga mendapati remaja bermasalah tidak konsisten dalam menjaga solat fardhu, tidak menghayati al-Quran, tidak menjaga batas pergaulan dan aurat. Walaupun begitu, remaja bermasalah ini mempunyai keinginan untuk berubah dengan bimbingan dan perhatian. Dapat difahami, remaja bermasalah adalah remaja yang berusaha untuk mendapatkan perhatian dengan cara yang salah.

Namun begitu Al-Buti (1997) menegaskan bahwa remaja yang terlibat dengan ketagihan pornografi adalah terpengaruh dengan kondisi sosial yang lingkungan mereka. Masalah ketagihan pornografi dalam kalangan remaja adalah kompleks dan memerlukan satu gerak kerja yang holistik dan bersepdu dalam menanganinya. Gerak kerja yang besar ini bermula dari setiap individu Muslim dalam masyarakat dengan kembali kepada Islam yang كَافِيٌ (sempurna) seperti firman Allah SWT;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْخُلُوْا فِي الْسِّلْمِ كَافَةً وَلَا تَتَّبِعُو خُطُوْتَ  
 الْشَّيْطَنِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌ مُّبِينٌ

٢٠٨

Terjemahan; Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhan dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan, sesungguhnya Syaitan itu musuh kamu yang nyata. (Surah Al-Baqarah (2); ayat 208)

Al-Buti (1997) dalam kajiannya menyatakan ubat bagi semua kebejatan sahsiah ini adalah dengan melahirkan anggota masyarakat yang mempunyai hati yang ikhlas. Keikhlasan dapat melupuskan segala bentuk kegoncangan dan kepura-puraan. Justeru, untuk menghasilkan ubat ini, ramuan paling penting adalah ilmu. Dalam Islam, objektif ilmu adalah pengetahuan atau cara untuk memerdekaan diri dari kesesatan di mana sahaja mereka berada dengan menjawab tiga persoalan utama iaitu; dari mana mereka datang?; untuk apa mereka datang?; dan kemana tujuan akhir mereka?

Keseluruhannya dapat dipelajari dari kajian lepas bahawa permasalahan ketagihan pornografi bukan isu baru dan telah menjadi isu global. Era Revolusi Perindustrian (Industrial Revolution) telah membuka jangkauan maklumat lebih luas dan sukar dibendung. Semua maklumat baik atau buruk dapat disebarluaskan dengan sangat cepat serta telah mempengaruhi perubahan budaya sosial masyarakat di Malaysia. Justeru remaja yang hidup di era ini perlu lebih bersedia. Ibubapa, keluarga, masyarakat dan negara juga perlu berani membuat perubahan untuk memastikan generasi seterusnya akan lebih sejahtera. Antara keperluan yang penting kepada remaja hari ini adalah hati yang ikhlas dan pendidikan serta penghayatan Islam sebagai gaya hidup (ad-Deen0

## 2.4 Latar Belakang Responden

Responden kajian ini berjumlah 69 namun didapati 3 orang responden (L18, L33 & L39) tidak menetap atau belajar di Simpang Renggam, Johor. Menjadikan responden yang diterima untuk kajian ini berjumlah 66 orang remaja Muslim di Simpang Renggam, Johor. Jadual 2 menunjukkan majoriti responden (45%) adalah remaja dalam usian 14 hingga 16 tahun. Diikuti dengan 36% responden dalam usia 17 hingga 18 tahun kemudian 10 % berusia 18 ke 24 tahun dan 9% dalam usia 10 ke 13 tahun. Jantina responden pula menunjukkan 39 orang (57%) adalah lelaki dan 30 orang (43%) perempuan. Dari aspek pekerjaan bapa 35% adalah penjawat awam, diikuti dengan 29% responden mengatakan tidak mengetahui pekerjaan bapa dan 19% bekerja sendiri. Manakala selebihnya 14% bekerja dalam industry swasta dan selebih 3% menyatakan bapa mereka tidak bekerja.

**Jadual 2: Demografi Responden (N=69)**

Latar belakang responden	Frekuensi	Peratus %
Umur		
10-13	6	9%
14-16	31	45%
17-18	25	36%
18-24	7	10%

	Jumlah	69	100%
Jantina	Lelaki	39	57%
	Perempuan	30	43%
	Jumlah	69	100%
Pekerjaan ayah	Kerajaan	24	35%
	Swasta	10	14%
Pekerjaan ibu	Bekerja Sendiri	13	19%
	Tidak kerja	2	3%
Pekerjaan ibu	Tidak tahu	20	29%
	Jumlah	69	100%
	Kerajaan	22	32%
	Swasta	10	15%
	Bekerja Sendiri	8	11%
	Tidak kerja	16	23%
	Tidak tahu	13	19%
	Jumlah	69	100%
			Bersambung...

...Sambungan

Pendapatan ayah	Tidak pasti	10	14%
	RM500 ~ RM1500	13	19%
	RM1600 ~ RM3000	23	33%
	RM3001 ~ RM6000	9	13%
	Lebih dari RM6000	14	21%
	Jumlah	69	100%
Pendapatan Ibu	Tidak pasti	23	34%
	RM500 ~ RM1500	12	17%
	RM1600 ~ RM3000	11	16%
	RM3001 ~ RM6000	11	16%
	Lebih dari RM6000	12	17%
	Jumlah	69	100%

Manakala dari aspek pekerjaan ibu pula, didapati bahawa 22 responden (32%) adalah kakitangan kerajaan, diikuti ibu sebagai suri rumah 16 responden (23%), 13 responden (19%) pula tidak tahu pekerjaan ibu, 10 responden (15%) bekerja dalam sektor swasta, dan hanya 8 responden (11%) bekerja sendiri.

Dari aspek anggaran jumlah pendapatan bapa pula, seramai 23 bapa responden (33%) mempunyai anggaran pendapatan bulanan antara RM 1,600 hingga RM3,000. Diikuti oleh anggaran pendapatan bulanan sekurangnya RM 6,000 dan lebih iaitu seramai 14 bapa responden (21%) sementara itu 13 responden menyatakan bapa mereka memperoleh pendapatan bulanan dalam anggaran RM500 ke RM1,500 sahaja. 10 responden (14%) tidak tahu jumlah pendapatan bapa mereka dalam sebulan dan


9 responden (13%) menyatakan bapa mereka memperoleh pendapatan bulanan anggaran antara RM3,001 hingga RM 6,000 sebulan.

Manakala untuk anggaran pendapatan ibu pula, 23 responden (33%) menyatakan tidak pasti tentangnya. Diikuti 12 orang ibu responden (17%) yang mempunyai pendapatan antara RM 500 hingga RM1,500. Begitu juga untuk anggaran pendapatan ibu bagi anggaran lebih dari RM6000 sebulan juga berjumlah 12 orang ibu responden (17%) Seterusnya bagi anggaran RM1,600 hingga RM3,000 dan pendapatan tidak lebih dari RM 6,000 sebulan masing-masing berjumlah 11 orang ibu responden (16%).

## **2.5 Pornography Addiction Screening Test (PAST)**

Objektif pertama kajian adalah untuk menyorot keterlibatan remaja Muslim di Simpang Renggam dengan ketagihan pornografi. Soal selidik ini di ambil dari sebuah agensi konsultasi yang telah membantu ramai penagih dadah, pornografi, judi, dan arak untuk pulih dan kembali bahagia dalam kehidupan bersama orang-orang yang tersayang. Ujian saringan ketagihan pornografi ini dinilai dengan jumlah skor dan kajian di Simpang Renggam telah mendapat 79% responden melalui proses perkembangan seksual yang sihat dan tidak terdedah dengan pornografi. Sekumpulan 18% responden mengakui mereka telah terdedah dengan pornografi dan 3% responden telah mengalami gejala awal ketagihan pornografi.

**Gambar Rajah 2: Carta Skor PAST Responden di Simpang Renggam**



Rajah 2: Carta Skor PAST Responden di Simpang Renggam  
Dapatkan dari Soal Selidik yang telah dijalankan

Berikut adalah butiran dari responden yang terdedah dengan pornografi dan risiko ketagihan pornografi. 14 orang responden terdedah pornografi dan 2 darinya (L1 &P28) berisiko ketagihan pornografi.

Jadual 3: Sorotan responden yang terpalit pornografi dan berisiko ketagihan pornografi

Tinjauan PAST	Responden													
Responden	L1	L3	P18	P20	L19	P25	P28	P29	L20	L21	L22	L27	L31	L36
Adakah anda menggunakan bahan porno/masturbasi untuk membaiki mood anda?	3	0	0	1	1	1	3	2	2	1	2	0	1	1
Adakah anda menjadi resah, murung atau panas baran apabila anda tidak menonton filem atau gambar porno?	3	0	0	1	3	0	2	0	1	0	0	0	0	1
Adakah anda mendapati diri anda sering memikirkan tentang seksual?	3	4	1	2	1	1	2	1	2	2	2	2	1	2
Adakah anda memadamkan sejarah laman sesawang yang anda layari & mengambil langkah untuk menyembunyikan penggunaan lucu anda dari dikesan?	4	4	2	2	4	0	4	0	3	4	2	2	4	4
Adakah anda melihat atau menonton lebih banyak bahan porno dalam pelbagai bentuk untuk memenuhi keinginan anda?	2	2	1	1	3	0	3	0	2	2	1	2	1	1
Adakah anda mencari peluang untuk bersendirian untuk melihat atau menonton bahan porno atau masturbasi?	3	4	1	1	3	0	4	1	3	1	3	2	1	1
Adakah anda kadangkala mengalami keinginan yang sangat mendesak untuk menonton atau melihat bahan porno?	2	3	0	1	3	1	3	1	3	1	2	1	1	2
Adakah anda merasionalkan, mewajarkan, meremehkan atau membuat alasan tentang penggunaan pornografi anda?	2	2	1	1	2	0	0	1	2	0	0	2	1	1
Adakah anda terus melihat pornografi walaupun selepas menghadapi masalah yang berkaitan dengan tontonan anda?	2	3	0	1	1	0	1	0	3	0	0	0	1	1
Adakah anda merasa aktiviti melihat, menonton pornografi atau melancap sebagai memalukan?	4	4	4	1	1	4	4	4	2	4	3	3	4	4
Adakah setiap kali anda melayari internet untuk sesuatu urusan tetapi berakhir dengan hanya melayari pornografi?	3	2	1	1	2	2	3	0	3	1	1	0	3	3
Adakah keinginan seksual anda bercanggah dengan ajaran agama anda?	0	2	2	1	0	2	4	4	2	4	0	0	4	4
Adakah anda melakukan masturbasi ketika menonton atau melihat porno?	3	4	0	1	1	1	3	0	2	0	1	3	1	1
Pernahkah anda berhadapan dengan cabaran untuk mengurangkan atau berhenti dari kebiasaan menonton / melihat porno?	2	4	3	4	4	4	4	4	1	2	3	4	3	3
Pernahkah anda berjanji pada diri sendiri untuk tidak menonton/ melihat bahan berunsur porno atau masturbasi lagi?	3	4	4	4	4	4	4	4	2	4	4	4	4	4
Pernahkah anda terlibat dalam "sex chat" di media sosial?	3	0	4	1	0	2	0	3	3	0	0	0	0	0
Adakah anda membaca akhbar, majalah atau memilih saluran di televisyen hanya untuk mencari sesuatu yang akan merangsang anda secara seksual?	3	1	2	1	2	0	1	1	2	0	0	2	0	0
Pernahkah anda berbohong kepada ahli keluarga atau orang lain tentang tontonan pornografi anda?	1	1	2	1	0	2	3	3	3	1	2	0	3	3
Pernahkah anda berjaga hingga lewat malam atau bangun pada waktu malam hanya untuk menonton pornografi?	1	0	1	1	2	0	4	1	3	1	2	0	2	2
Adakah penggunaan pornografi anda mengganggu atau menghadkan sosial, pendidikan dan rekreasi dalam hidup anda?	3	4	0	3	2	4	4	4	2	4	2	4	4	4
Jumlah Skor	50	48	29	30	39	28	56	34	46	32	30	31	39	42

**Jadual 4: Demografi responden terpalit pornografi**

	JANTINA	Anda muslim?	Anda adalah seorang remaja dalam lingkungan usia	Apakah pekerjaan ayah anda?	Apakah pekerjaan ibu anda?	Berapakah pendapatan ayah anda?	Berapakah pendapatan ibu anda?		
L1	Ya	14 - 16	2	1	3	2			
L3	Ya	16 - 18	3	3	3	3		1= Kerajaan	
P18	Ya	14 - 16	2	4	5	1		2= Swasta	
P20	Ya	10 - 13	5	4	3	2		3= Bekerja Sendiri	
P25	Ya	14 - 16	1	1	3	3		4= Tidak kerja	
L19	Ya	10 - 13	5	5	1	1		5= Tidak tahu	
L20	Ya	14 - 16	1	1	2	2			
L21	Ya	14 - 16	1	4	5	1		1= Tidak pasti	
L22	Ya	14 - 16	1	4	5	1		2= RM500 ~ RM1500	
L27	Ya	14 - 16	5	5	3	4		3= RM1600 ~ RM3000	
L31	Ya	18 - 24	1	4	3	1		4= RM3001 ~ RM6000	
L36	Ya	16 - 18	5	3	1	1		5= Lebih dari RM6000	

## 2.6 Amalan Harian Remaja Muslim Simpang Renggam

Bahagian ketiga soal selidik adalah tentang amalan harian Muslim yang berimpak tinggi. Fokus utama kajian ini adalah untuk menilai tahap keterlibatan remaja dengan ketagihan pornografi serta amalan harian mereka yang mungkin menjadi benteng kepada mereka berdepan ancaman ketagihan pornografi.

Dapatan menunjukkan secara umumnya kumpulan responden mempunyai amalan harian yang berimpak tinggi dalam jadual harian mereka. 56.06% responden mengaku mempunyai rutin tadabbur ayat-ayat Al-Quran yang telah mereka hafaz. 86.36% responden mempunyai amalan memohon petunjuk dan pertolongan Allah SWT dalam urusan harian mereka. 74.24% responden sering mengingatkan diri mereka bahawa ujian adalah tanda kasih Allah. 71.21% responden berusaha mematuhi perintah Allah SWT dalam sebarang situasi. 86.36% responden meyakini Malaikat Raqib dan ‘Atid tidak pernah leka untuk mencatat amal baik dan buruk yang mereka lakukan. 68.18% responden berusaha untuk mengamalkan sunnah Nabi Muhammad SAW yang mereka tahu. Hanya 46.97% dari responden mempunyai amalan membaca sirah paraNabi dan menjadikannya panduan. 54.55% responden mempunyai amalan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. 81.82% responden memahami tentang konsep balasan baik dalam amal soleh dan sebaliknya. Sementara itu hanya 45.45% responden memilih amalan membaca Al-Quran setiap hari. 40.91% mengaku membuat tindakan sesuai keimanan mereka. 45.45% responden mengaku berusaha melaksanakan amalan wajib dan meninggalkan amalan yang haram. 93.94% responden memastikan mereka mengangkat wudhu’ sebelum mendirikan solat. 92.42% responden melaksanakan puasa pada bulan Ramadhan. 69.7% responden mengaku mendirikan solat lima waktu sehari. 28.79% responden telah memilih untuk konsisten mendirikan solat-solat sunat seperti solat sunat Dhuha. Hanya 3% responden yang menghidupkan amalan qiyamulail secara rutin dan 77.27% responden berusaha

untuk memperbaiki solat dan 43.94% responden mengaku mereka memilih membaca Al-Quran sebagai amalan harian mereka. Walaubagaimanapun hanya 24.24% responden mempunyai kesedaran tinggi untuk sering bertaubat kepada Allah SWT dan 74.24% responden memastikan mereka menutup aurat ketika keluar dari rumah.

**Jadual 5: Frekuensi(%), Min & Sisihan Piawaian Amalan Harian (N=66)**

Bil.	Amalan	1	2	3	4	5	Min	S. P
1	Saya akan tadabbur ayat atau surah yang saya hafaz	0	7.58	24.24	12.12	56.06	0	21.99
2	Saya memohon petunjuk dari Allah SWT agar sentiasa mendapat Rahmat-Nya	0	0	4.55	9.09	86.36	0	37.29
3	Saya memohon pertolongan dari Allah SWT ketika berdepan cabaran	0	0	4.55	10.61	84.85	0	36.51
4	Saya selalu cakap pada diri "Allah uji tanda sayang kepada hamba-Nya"	0	1.52	10.61	13.64	74.24	0	30.87
5	Saya selalu berusaha untuk mematuhi perintah Allah SWT dalam sebarang situasi	0	1.52	6.06	21.21	71.21	0	29.83
6	Saya percaya malaikat Raqib & Atid tidak leka mencatat semua amal baik dan buruk saya	0	0	3.03	10.61	86.36	0	37.35
7	Saya berusaha untuk mengikuti sunnah Nabi Muhammad SAW yang saya tahu	0	3.03	6.06	22.73	68.18	0	28.33
8	Saya suka membaca kisah paraNabi sebagai panduan hidup	0	4.55	15.15	33.33	46.97	0	19.80
9	Saya biasa berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW untuk dapatkan syafaat/pertolongan pada hari akhirat	0	4.55	12.12	28.79	54.55	0	22.20
10	Saya tahu dan faham tentang balasan baik untuk amal soleh dan sebaliknya untuk amal yang buruk	0	1.52	3.03	13.64	81.82	0	34.97
11	Saya mempunyai rutin membaca Al-Quran untuk meningkatkan keimanan & keyakinan terhadap Allah SWT	0	6.06	15.15	33.33	45.45	0	19.00
12	Saya bertindak dengan berlandaskan keimanan saya	0	3.03	18.18	37.88	40.91	0	19.03
13	Saya melaksanakan amalan yang wajib dan meninggalkan amalan yang haram	0	1.52	19.70	33.33	45.45	0	19.80
14	Saya mengangkat wudhu' sebelum mendirikan solat	0	0	1.52	4.55	93.94	0	41.38
15	Saya berpuasa pada bulan Ramadhan	0	0	1.52	6.06	92.42	0	40.56
16	Saya jarang mendirikan solat 5 waktu	69.7	12.12	4.55	10.61	3.03	3.03	28.05
17	Saya rutin mendirikan solat sunat seperti solat sunat Dhuha	4.545	13.64	31.82	21.21	28.79	4.545	11.15
18	Saya rutin melaksanakan qiyamulail	27.27	30.30	28.79	10.61	3.03	3.03	12.37

19	Saya selalu berusaha memperbaiki solat saya	1.52	1.52	3.03	16.67	77.27	1.515	32.64
20	Saya jarang membaca Al-Quran	43.94	22.73	15.15	13.64	4.55	4.545	14.86
21	Saya sering bertaubat	3.03	10.61	36.36	25.76	24.24	3.03	13.18
22	Saya sentiasa memastikan menutup aurat ketika keluar rumah	0	3.03	4.55	18.18	74.24	0	31.11

Sedikit sorotan tahap amalan responden yang terdedah dengan pornografi dan berisiko terlibat dengan ketagihan pornografi.

**Jadual 5: Sorotan tahap amalan harian responden yang terlibat pornografi dan berisiko ketagihan pornografi**

	L1	L3	P18	P20	L19	P25	P28	P29	L20	L21	L22	L27	L31	L36
Saya akan tadabbur ayat atau surah yang saya hafaz	4	4	3	5	5	5	2	2	5	3	4	5	3	3
Saya memohon petunjuk dari Allah SWT agar sentiasa mendapat Rahmat-Nya	4	5	5	5	5	5	4	5	5	5	4	5	5	5
Saya memohon pertolongan dari Allah SWT ketika berdepan cabaran	4	5	5	5	5	5	5	5	5	4	4	5	5	5
Saya selalu cakap pada diri "Allah uji tanda sayang kepada hamba-Nya"	3	5	5	5	4	5	5	5	5	3	3	5	5	5
Saya selalu berusaha untuk mematuhi perintah Allah SWT dalam sebarang situasi	4	5	5	5	5	5	3	5	5	4	4	5	5	5
Saya percaya malaikat Raqib & Atid tidak leka mencatat semua amal baik dan buruk saya	4	5	3	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5

Bersambung.....

Sambungan...

	L1	L3	P18	P20	L19	P25	P28	P29	L20	L21	L22	L27	L31	L36
Saya berusaha untuk mengikuti sunnah Nabi Muhammad SAW yang saya tahu	4	5	5	5	5	5	5	3	5	5	5	5	4	4
Saya suka membaca kisah para Nabi sebagai panduan hidup	3	4	5	5	4	4	4	2	4	3	4	5	4	4
Saya biasa berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW untuk dapatkan syafaat/pertolongan pada hari akhirat	3	5	5	5	5	5	4	3	4	4	5	5	4	4
Saya tahu dan faham tentang balasan baik untuk amal soleh dan sebaliknya untuk amal yang buruk	4	5	5	5	4	5	5	4	4	5	5	5	5	5
Saya mempunyai rutin membaca Al-Quran untuk meningkatkan keimanan & keyakinan terhadap Allah SWT	3	4	4	5	4	4	3	3	4	4	5	5	3	3
Saya bertindak dengan berlandaskan keimanan saya	3	4	3	5	4	5	3	3	4	4	5	5	4	4
Saya melaksanakan amalan yang wajib dan meninggalkan amalan yang haram	3	3	4	5	5	3	3	2	4	5	4	3	3	3
Saya mengangkat wudhu' sebelum mendirikan solat	5	5	3	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5
Saya berpuasa pada bulan Ramadhan	5	5	5	5	5	5	5	4	5	5	5	4	4	4
Saya jarang mendirikan solat 5 waktu	1	1	2	1	4	2	4	3	2	1	2	4	1	1
Saya rutin mendirikan solat sunat seperti solat sunat Dhuha	2	3	2	5	4	3	3	2	3	3	2	1	2	2
Saya rutin melaksanakan qiyamulail	1	2	1	4	3	2	1	1	2	2	4	1	1	1
Saya selalu berusaha memperbaiki solat saya	5	5	5	5	5	5	4	5	5	5	4	5	4	4
Saya jarang membaca Al-Quran	1	1	4	1	1	3	2	2	3	3	3	4	5	5
Saya sering bertaubat	2	5	2	5	3	3	4	3	3	2	2	2	4	4
Saya sentiasa memastikan menutup aurat ketika keluar rumah	5	5	2	5	5	4	4	2	4	5	5	5	5	5

### 3. Perbincangan

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati dari 66 orang responden, tidak ada remaja Muslim di Simpang Renggam, Johor yang telah jatuh dalam kancang ketagihan pornografi. Namun begitu, kajian ini turut mengenal pasti 3% responden telah mempunyai gejala ketagihan dan sangat berisiko serta perlu mendapatkan pertolongan dengan kadar yang amat segera. Manakala 18% lagi responden telah terdedah dengan pornografi dan perlu diberikan perhatian dan bimbingan segera. Umumnya, tahap amalan harian Muslim juga dilihat pada kadar yang tinggi. Ini memberi Gambaran bahawa responden telah mendapatkan pendedahan sosial yang kondusif. Namun, dapatan kajian ini menyatakan sebaliknya. Amalan harian Muslim sahaja, belum cukup untuk menjadi benteng remaja dari terlibat atau jatuh dalam kancang ketagihan pornografi (Al-Butiy, 1997). Sebagai Muslim, mereka amat perlu memberi perhatian pada penyucian jiwa seperti firman Allah SWT;

وَالَّذِينَ جَاهُدُوا فِي نَا لَنَهْدِيَنَّمْ سُبُّلَّا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: "...dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredhaan), dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah bersama orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya" (al-Ankabut:69).

Dasar pendidikan hari ini lebih mementingkan pencapaian material berbanding peningkatan jiwa kehambaan atau modal insan. Sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan cenderung menjadikan remaja untuk belajar hanya lulus dalam peperiksaan dan tidak menghayati pembelajaran. Sehingga berlaku, remaja yang cemerlang dalam akademik tetapi tidak berakhlaq dan berpotensi untuk melakukan jenayah. Sering berlaku pelajar yang cemerlang akademik mendapat perhatian sedang pelajar yang kurang dalam akademik tetapi mempunyai nilai diri yang tinggi dipinggirkan. Aktiviti kokurikulum sekolah juga dilihat tidak seimbang dan mencacatkan proses pendidikan bersepadu dan holistik.

#### 4. Kesimpulan

Ketagihan pornografi adalah penyakit yang jarang dikenali sebagai penyakit dan menjadi halangan dalam usaha mengatasinya. Situasi ini adalah rentetan dari kegagalan mengesan penyakit di peringkat awal yang kerana kurangnya ilmu tentang pornografi dan ketagihan pornografi. Ibarat seorang individu yang tampilannya hebat, kuat, dan kemas mustahil akan melangkah ke klinik atau hospital secara tiba-tiba. Sekurangnya individu tersebut perlu mempunyai satu alasan untuk dia melangkah ke klinik dan bertemu doktor. Begitulah juga halnya dengan individu yang terlibat dengan pornografi dan ketagihan pornografi. Mereka perlukan ilmu untuk sedar mereka sedang berdepan bahaya yang amat dahsyat. Usaha untuk menyampaikan ilmu perlu dilaksanakan secara bersepadu dan holistik oleh semua ahli masyarakat. Jalan untuk mendapat kasih dan sayang Allah tidak pernah sunyi dari kesusahan. Untuk menempuh kesukaran, modal paling mahal adalah sabar dan satu-satunya cara untuk seorang Muslim agar sentiasa dalam kesabaran adalah dengan mengambil Islam secara keseluruhan seperti firman-Nya;

يَخْسِبُ لَا حَيْثُ مِنْ وَيَرْزُقُهُ ۝ مَحْرَجًا يَجْعَلُ اللَّهُ يَتَّقَ وَمَنْ

Maksudnya:

".... Dan barang siapa yang bertaqwah kepada Allah (mengerjakan suruhan dan meninggalkan larangan-Nya) nescaya diberikan baginya jalan keluar (dari segala masalah serta kesusahan) dan dia beroleh rezeki menerusi jalan yang tidak disangka-sangka" (Al-Talaq (65) :ayat 2-3)

Hidup ini terasa panjang kerana tidak menemui misi dan visi manusia di hantar ke dunia. Islam menggariskan objektif ilmu adalah untuk melahirkan individu yang ikhlas berubudiyah hanya kepada Allah swt. Ini telah dibuktikan dengan kemunculan Empayar Islam yang hebat selepas hanya 23 tahun tarbiyah yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW lebih kurang 1400 tahun yang lalu. Seharusnya peranan ilmu, budaya, pendidikan dan sosio-ekonomi perlu mempunyai matlamat yang jelas iaitu menjadi penawar dalam semua urusan kehidupan manusia di dunia. ISLAM, sebagai prosa kata kerja, mengandungi maksud hidup ini seluruhnya hanya kerana Allah SWT

#### 5. Penghargaan

Pertama dan selamanya saya memanjatkan puji dan syukur kehadrat Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, Rabbul Alamin yang dengan izin-Nya membuka ruang dan peluang untuk melaksanakan dan menyiapkan kajian ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat. Sekalung penghargaan tahniah kepada Universiti

Islam Selangor yang telah berusaha menjayakan PASAK9 Begitu juga kepada pihak Perpustakaan Raja Tun Uda yang telah menyediakan tempat persidangan yang kondusif.

## 6. Rujukan (Bernombor, Bold, Times New Roman, 12, APA style)

Al-Quran dan terjemahan

al-Buti, M. S. I. R. (1997). *Menangani Pergolakan Jiwa Remaja terjemahan Amrullah*, M. S. Pustaka Ilmi

Fakulti Perubatan UKM (Julai, 2023) 75 Peratus Remaja Malaysia Tonton Video dan Gambar Lucah, Portal Berita Universiti Kebangsaan Malaysai, dicapai dari;

<https://www.ukm.my/beritaukm/75-peratus-remaja-malaysia-tonton-video-dan-gambar-lucah/>

MAP Oficial (2023) *Pornografi dan Otak : Sains di sebalik ketagihan pornografi* dicapai dari:

<https://www.youtube.com/watch?v=xrn9wfGkSZw> (akses pada 12 Jun, 2024)

Siti Aisyah Mohamad (Mei, 2024) Ketagih Pornografi Seawal Usia 9 tahun, Sinar Harian, dicapai dari;<https://www.sinarharian.com.my/article/666067/berita/laporan-khas/ketagih-pornografi-seawal-usia-9-tahun>

Gorer, G. (1955). *The pornography of death. Encounter*, 5(4), 49-52

Varatharajoo, T., Abdullah, H., & Nor, M. (2020). *Hubungan antara Ketagihan Pornografi dan Jenis Trait Personaliti dalam Kalangan Remaja*. Jurnal Wacana Sarjana, 4(2), 1-8.

Jenkins, J. Philip (2023, September 1). pornography. Encyclopedia Britannica. Dicapai dari <https://www.britannica.com/topic/pornography>

Kamaruddin, N., Wahab, A., & Rozaidi, Y. (2019). *Neuro-Physiological porn addiction detection using machine learning approach*. Indones. J. Electr. Eng. Comput. Sci, 16(2), 964-971.

Ashraaf, M. A., & Othman, N. (2020). Ketagihan pornografi dalam kalangan remaja: Faktor dan implikasi terhadap sahsiah diri remaja. *Jurnal Melayu*, 19(2), 205-215.

Pornography Sceeringn Test dicapai dari :

<https://michaelwalsh.com/admin/resources/resources/pornography-addiction-screening-tool.pdf>

Ulwan, A. N. (2007). *Pendidikan anak dalam Islam*. Jakarta: Pustaka Amani.

Putri, G. A. (2019). Phenomenon of Social Diversion Related to Teenagers Interest in Pornography Sites. *International Journal Pedagogy of Social Studies*, 4(2).

Afandi, N.H.M.N (2021). Kesediaan remaja berisiko untuk berubah ke arah perlakuan, akhlak yang baik di Felda daerah Bentong (Doctoral dissertation, UKM, Bangi)

Nahar, N., Sangi, S., Rosli, N., & Abdullah, A. H. (2018). Impak negatif teknologi moden dalam kehidupan dan perkembangan kanak-kanak hingga usia remaja (Negative impact of modern technology to the children's life and their development). *UMRAN-Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 5(1).